



AZNIDA dan Pembantu Veterinar UPM, Khordi Asnawi memberi makan kepada seekor kuda yang akan dijual pada Ekspo Pertanian sempena Majlis Konvokesyen UPM ke-37 di Serdang semalam.

Jualan kuda sempena konvokesyen UPM

SERDANG - Jualan kuda merupakan satu daripada aktiviti menarik yang diadakan sepanjang enam hari Ekspo Pertanian sempena Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-37.

Pegawai Pertanian Bahagian Ternakan, Taman Pertanian UPM, Aznida Che Ali berkata, baka kuda yang dijual merupakan salah satu baka hasil penyelidikan Jabatan Veterinar dengan kerjasama Jabatan Pertanian UPM.

"Tujuan kuda ini dijual adalah untuk memperbanyakkan lagi baka jenis 'Mangalarga Troughbread Arab' yang jarang dikomersialkan selain memeriahkan lagi majlis konvokesyen.

"Kuda yang berumur setahun ini merupakan salah satu kuda yang bagus untuk

dijadikan baka induk selain untuk tujuan sukan dan rekreasi," katanya ketika ditemui di tapak Bukit Ekspo di sini semalam.

Aktiviti lain yang diadakan bagi memeriahkan ekspo itu ialah Klinik Haiwan bagi memberi peluang pengunjung bertemu pakar bagi menyelesaikan masalah haiwan peliharaan atau ternakan.

Di samping itu, pengunjung juga berpeluang menaiki kereta kuda dan membeli pelbagai jenis haiwan peliharaan serta produk makanan haiwan di gerai berhampiran tapak ekspo.

Aznida berkata, kuda tersebut akan dibida bermula dengan harga RM13,000 dan pengunjung boleh membida kuda tersebut sepanjang ekspo berlangsung sehingga esok.